

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang merupakan anak jati Negeri Perak Darul Ridzuan serta berkelayakan untuk memohon kekosongan jawatan di Yayasan Perak seperti berikut: -

1. Jawatan : **Juruteknik Gred J19**
2. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
3. Taraf Jawatan : Kontrak/ Tetap
4. Gaji : Berdasarkan pengalaman dan kelayakan

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,500.00	RM4,052.00	RM100.00

5. Kemahiran :
 - i) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam tugas teknikal pembinaan rumah atau projek perumahan.
 - ii) Pemantauan Tapak Pembinaan – Memastikan kerja-kerja pembinaan dijalankan mengikut spesifikasi, piawaian dan jadual projek. Menjalankan pemeriksaan kualiti bahan binaan dan kerja-kerja pembinaan di tapak.
 - iii) Penyelarasan dengan kontraktor dan pihak berkaitan – Berkomunikasi dengan kontraktor, subkontraktor dan pembekal mengenai keperluan teknikal. Membantu dalam penyelarasan kerja antara pelbagai pihak dalam projek.
 - iv) Pematuhan Undang-Undang dan Piawaian Keselamatan – Memastikan kerja-kerja pembinaan mematuhi undang-undang bangunan dan garis panduan keselamatan.
 - v) Penyediaan Laporan dan Dokumentasi – Menyediakan laporan teknikal mengenai kemajuan projek, masalah yang dihadapi, dan penyelesaian yang dicadangkan. Menyimpan rekod kerja yang telah dilakukan termasuk bahan yang digunakan dan perubahan pada reka bentuk.

vi) Pengujian dan Penyenggaraan – Membantu dalam pengujian sistem bangunan seperti sistem elektrik, perpaipan, dan struktur sebelum diserahkan kepada pemilik.

6. Deskripsi Tugas : Membantu dalam memastikan kualiti dan kelancaran pembinaan rumah atau bangunan kediaman dibina mengikut spesifikasi, piawaian keselamatan dan perancangan yang ditetapkan.

7. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia; dan
- (b) Berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan tidak lebih daripada 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Vokasional Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

8. Tarikh Tutup Iklan : **28 Ogos 2026 (Jumaat)**

9. Calon yang berminat adalah dipelawa mengemukakan permohonan dengan melengkapkan borang permohonan serta salinan Kad Pengenalan, sijil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Kemahiran, Diploma (jika berkaitan), resume terkini dan sekeping gambar berukuran passport. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui e-mel sumbermanusia@yayasanperak.com.my atau diposkan ke alamat seperti berikut :-

**Unit Sumber Manusia
Yayasan Perak
Tingkat 1, Wisma Yayasan Perak,
No. 111, Jalan Sultan Idris Shah,
30000 Ipoh,
Perak**

10. Catatan :

- a) Hanya calon-calon yang terpilih dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- b) Jika sekiranya calon tidak menerima sebarang maklumbalas dalam tempoh tiga (3) minggu dari tarikh tutup iklan, calon dianggap **TIDAK BERJAYA**.
- c) Keputusan temuduga adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

Tarikh : 29 Julai 2026